

PASUKAN PETUGAS KHAS IMUNISASI COVID-19 (CITF)

GARIS PANDUAN PEMBERIAN ELAUN KHAS KEPADA PETUGAS PENJAWAT AWAM TERLIBAT DALAM PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN (PICK)

TUJUAN

1. Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan kaedah pelaksanaan bayaran elaun khas kepada petugas-petugas penjawat awam yang terlibat dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) selaras dengan pengumuman Kerajaan menerusi Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) pada 17 Mac 2021.
2. Elaun khas ini adalah khusus untuk petugas-petugas penjawat awam yang terlibat dalam keseluruhan rantaian pengurusan PICK yang ditempatkan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh negara.

TAKRIFAN

3. Bagi maksud Garis Panduan ini:

“**Agensi**” bermaksud agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam keseluruhan rantaian pengurusan PICK yang ditempatkan di PPV di seluruh negara yang diuruskan oleh CITF dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta pihak swasta dengan kebenaran CITF dan KKM.

“**Ketua Jabatan**” bermaksud Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Pengarah Jabatan dan Pengarah Agensi. Takrifan ini termasuklah mana-mana Pegawai Kanan Agensi yang diberi kuasa secara bertulis rasmi oleh Ketua Jabatan.

“**Petugas-Petugas Penjawat Awam**” bermaksud pegawai atau anggota lantikan tetap atau *contract of service*, di CITF dan agensi-agensi, yang terlibat dalam keseluruhan rantaian pengurusan PICK yang ditempatkan di PPV di seluruh negara yang diuruskan oleh CITF dan KKM serta pihak swasta dengan kebenaran CITF dan KKM.

“**Terlibat Secara Langsung**” bermaksud penglibatan atau pelaksanaan tugas oleh petugas adalah signifikan, dan diperakukan oleh CITF atau Ketua Jabatan.

LATAR BELAKANG

4. PICK adalah satu program imunisasi untuk warga negara dan bukan warganegara Malaysia berusia 18 tahun ke atas. Sebagai langkah memastikan hasrat Kerajaan untuk menyasarkan lebih ramai penduduk negara divaksinasi iaitu sehingga 26.5 juta atau anggaran 80% populasi negara dalam tempoh satu tahun, maka adalah wajar untuk mengenal pasti fasiliti awam atau swasta yang bersesuaian sebagai PPV tambahan selain daripada 600 fasiliti sedia ada di bawah KKM.

5. Penugasan di PPV akan melibatkan petugas kesihatan, bukan kesihatan dan sukarelawan. Petugas kesihatan adalah di kalangan kakitangan kesihatan sedia ada yang diselaraskan oleh KKM. Manakala petugas bukan kesihatan yang terdiri daripada pegawai awam perkhidmatan negeri yang akan diselaraskan oleh Kerajaan Negeri atau pegawai awam perkhidmatan persekutuan yang akan diselaraskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Petugas sukarelawan bukan kesihatan pula akan diselaraskan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Penempatan penjawat awam di PPV boleh dilaksanakan secara sementara selaras dengan Proklamasi Darurat 2021.

6. Sehubungan itu, Kerajaan telah bersetuju untuk memberi elaun khas pada kadar RM200.00 sebulan kepada petugas-petugas penjawat awam yang terlibat dalam Program Imunisasi COVID-19, selaras dengan pengumuman Kerajaan menerusi Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) pada 17 Mac 2021 telah bersetuju untuk memberi elaun khas pada kadar RM200.00 sebulan kepada petugas-petugas penjawat awam yang terlibat dalam PICK di PPV berkenaan.

7. Sehubungan dengan itu, Garis Panduan ini menjelaskan dasar dan mekanisme bayaran elaun khas ini agar pelaksanaan pembayaran adalah teratur.

PELAKSANAAN

Pegawai Yang Layak

8. Pegawai yang layak diberikan elaun ini adalah petugas-petugas agensi yang diarahkan untuk terlibat secara langsung dalam pengoperasian Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bagi melaksanakan skop tugas berikut:

- (i) menjalankan kerja-kerja pemberian vaksin, konsultasi dengan penerima suntikan, menjalankan saringan kesihatan, menguruskan

pendaftaran dan urusan temujanji penerima vaksin, menyediakan kad vaksinasi serta pemerhatian ke atas penerima selepas menerima suntikan sebelum penerima pulang;

- (ii) memastikan ketersediaan kemudahan dan kelengkapan di PPV yang akan beroperasi adalah mengikut *standard operating procedure* (SOP);
- (iii) mengurus, menyelaraskan dan mengkoordinasi pengurusan PPV sepanjang pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan;
- (iv) melaksanakan pengurusan pentadbiran di PPV adalah berdasarkan SOP yang ditetapkan;
- (v) mengatur, menyusun dan memudahcara aktiviti pendaftaran penerima vaksin mengikut SOP pendaftaran yang ditetapkan;
- (vi) memastikan pengurusan logistik di PPV sentiasa terkawal dan teratur (utiliti, tempat letak kereta, kemudahan ICT, keselamatan, kebersihan dan sanitasi);
- (vii) menyediakan dan melaporkan laporan pelaksanaan program di PPV kepada Pentadbir/Penyelaras PPV/ pihak CITF;
- (viii) mengambil tindakan mitigasi dan pemulihan terhadap apa-apa isu yang timbul di PPV; dan
- (ix) melaksanakan lain-lain tugas mengikut keperluan daripada semasa ke semasa.

9. Seseorang petugas adalah dianggap **tidak layak** menerima elaun ini sekiranya:

- (i) merupakan petugas penjawat awam yang telah menuntut atau menerima elaun khas di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Perdana Menteri;
- (ii) merupakan doktor dan anggota kesihatan yang terlibat secara langsung dalam usaha menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 dan telah menuntut atau menerima elaun khas selaras dengan Surat Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Bilangan 2 Tahun 2020 bertarikh 16 Mac 2020 dan Surat Setiausaha Kementerian

Kesihatan Berkaitan Penambahbaikan Dalam Pemberian Elaun Khas Kepada Doktor dan Anggota Kesihatan Yang Terlibat Secara Langsung Dalam Usaha Menangani dan Membendung Penularan Wabak COVID-19 bertarikh 21 April 2020;

- (iii) program/inisiatif menangani COVID-19 yang terlibat adalah bukan diuruskan atau tidak diperakukan oleh CITF.

Kadar Elaun

10. Kadar elaun khas yang layak dibayar kepada petugas penjawat awam, yang terlibat secara langsung, adalah maksimum sebanyak RM200.00 sebulan dan akan dibayar oleh agensi asal petugas.

Syarat Pembayaran

11. Bayaran elaun ini dibuat berdasarkan tuntutan yang dikemukakan oleh petugas pada setiap bulan kalendar, menggunakan Borang Tuntutan Elaun Khas Petugas Penjawat Awam di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) seperti di **Lampiran 1** yang disahkan dan diluluskan oleh Ketua yang menyelia pegawai bertugas di Agensi asal pegawai bertugas.

12. Perkiraan kelayakan bayaran elaun ini adalah seperti berikut:

- (i) Dibayar atas kadar RM200.00 sebulan bagi pegawai yang menjalankan tugas sekurang-kurangnya 15 hari dalam satu (1) bulan kalendar;
- (ii) Dibayar atas kadar RM100.00 sebulan bagi pegawai yang menjalankan tuags kurang daripada 15 hari dalam satu (1) bulan kalendar.

13. Borang tuntutan tersebut perlu dikemukakan bersama-sama sekurang-kurangnya dokumen lampiran seperti berikut:

- (i) Surat Perakuan / Arahan Bertugas daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) / Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) / Kerajaan Negeri / CITF berhubung Penglibatan Agensi/Petugas di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK);
- (ii) Memo/Surat Arahan Bertugas kepada Pegawai.

14. Kelayakan tuntutan adalah bermula dari tarikh pegawai memulakan tugas, iaitu pada atau selepas 1 April 2021 sehingga pegawai tidak lagi diarah melaksanakan skop di perenggan 9.
15. Tuntutan ini hendaklah dikemukakan tidak lewat dari 10 haribulan bulan berikutnya kepada Unit Kewangan Agensi masing-masing, dengan hanya satu (1) tuntutan yang dibenarkan untuk satu-satu bulan kalendar. Pembayaran elaun akan dibayar secara terus ke akaun bank pegawai dalam tempoh 14 hari selepas dokumen lengkap diterima.
16. Implikasi kewangan bagi elaun khas ini adalah Agensi hendaklah menggunakan peruntukan sedia ada Agensi terlebih dahulu dan akan diselaraskan semula oleh Kementerian Kewangan pada penghujung tahun sekiranya perlu.
17. Penyelarasan pada perenggan 18 adalah terpakai dan dilaksanakan pada semua penjawat awam Kerajaan Persekutuan. Pemanjangan penggunaan Garis Panduan ini kepada Kerajaan Negeri adalah menggunakan peruntukan kewangan masing-masing.
18. Justeru Agensi hendaklah mengemukakan laporan bulanan seperti di **Lampiran 2** bagi pembayaran Elaun Khas Petugas Penjawat Awam di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) seperti selewat-lewatnya pada 30 haribulan bulan berikutnya kepada Unit Kewangan, Sekretariat CITF di e-mel citf@mosti.gov.my.

Tanggungjawab Pentadbir / Penyelaras PPV.

19. Pentadbir / Penyelaras PPV bertanggungjawab untuk memastikan perkara-perkara berikut:
 - (i) Pegawai telah diarahkan secara rasmi untuk melaksanakan skop tugas di PPV;
 - (ii) Menyemak jadual bertugas atau penggiliran bertugas dan rekod kehadiran bertugas agar permohonan pegawai selari dengan jumlah tuntutan elaun khas yang dibuat;
 - (iii) Sekiranya tuntutan pegawai teratur, Pentadbir / Penyelaras PPV yang menyelia pegawai boleh mengesahkan tuntutan tersebut;

- (iv) Membuat semakan, mengesahkan dan meluluskan setiap tuntutan elaun berdasarkan dokumen tuntutan lengkap dan sah;
- (v) Tuntutan bagi bulan Disember tahun semasa boleh diuruskan pada bulan Januari tahun berikutnya.

20. Berikutan dengan proses permohonan yang dipermudahkan, sekiranya mana-mana pegawai disyaki membuat tuntutan palsu, Ketua Jabatan asal pegawai boleh mengarahkan siasatan ke atas pegawai. Sekiranya sabit kesalahan, pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

TARIKH KUATKUASA

21. Pelaksanaan bayaran elaun ini berkuatkuasa mulai 1 April 2021 atau mulai pegawai diarah melaksanakan skop tugas di perenggan 9, sehingga pengoperasian Pusat Pemberian Vaksin (PPV) PICK ditamatkan oleh Kerajaan.

PEMAKAIAN

22. Elaun khas ini diberi secara *one-off* bagi tujuan pengoperasian Pusat Pemberian Vaksin (PPV) PICK sahaja, dan tempoh pelaksanaannya adalah tertakluk kepada keputusan Kerajaan. Pemberian elaun khas ini tidak menghalang petugas menuntut atau menerima elaun lain yang melayakkannya mengikut peraturan berkuatkuasa.

23. Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan peraturan kewangan dan peraturan lain jika berkaitan.

PERTANYAAN

24. Pertanyaan berkaitan Garis Panduan ini boleh dikemukakan kepada:

Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
Tel: 03-88934305
E-mel: citf@mosti.gov.my

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
Blok C4, Aras 5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 Putrajaya
Tel: 03-88858783 / 03-88858044

Disediakan oleh:
COVID-19 Immunisation Task Force (CITF)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

CITF

PASUKAN PETUGAS KHAS IMUNISASI COVID-19 (CITF)

**BORANG TUNTUTAN ELAUN KHAS PETUGAS PENJAWAT AWAM TERLIBAT
DENGAN PENGOPERASIAN PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) DI BAWAH
PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN (PICK)**

(BULANTAHUN.....)

Pusat Pemberian Vaksin	
Negeri	

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PEGAWAI

Nama	
No. Kad Pengenalan	
Skim Perkhidmatan	
Jawatan / Gred	
Kementerian / Jabatan / Agensi	
Nama bank dan Nombor Akaun (sama dengan bank bagi pembayaran gaji)...	
Tempoh / Tarikh Bertugas	
Tempat Bertugas	

BAHAGIAN B : TUNTUTAN BULANAN

SILA TANDAKAN (X) PADA KOTAK DI BAWAH INI	BILANGAN HARI BEKERJA	KADAR ELAUN SEBULAN
	15 hari dan lebih sebulan	RM200
	Kurang 15 hari sebulan	RM100

BAHAGIAN C : PERAKUAN PEGAWAI

Dengan ini saya mengakui bahawa yang dikemukakan adalah benar dan saya tidak pernah menuntut elaun khas ini di Agensi lain pada bulan kalendar tuntutan ini. Saya juga membenarkan kutipan bayaran balik oleh Ketua Jabatan sekiranya terdapat elaun yang terlebih bayar.

.....

(Tandatangan Pegawai)

Tarikh:

No. Telefon:

(Untuk pertanyaan oleh Unit Kewangan/Unit Akaun)

BAHAGIAN D: PENGESAHAN PENTADBIR PPV / PENYELARAS PPV

Saya telah menyemak berdasarkan Arahan Penyelaras/Pengurus PPV, Jadual Bertugas dan rekod lain. Dengan ini saya mengesahkan bahawa tuntutan pegawai **mematuhi / tidak mematuhi** syarat yang ditetapkan bagi melayakkan pegawai dibayar Elaun Khas Kepada Petugas Penjawat Awam Terlibat Dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Tuntutan Elaun Khas Kepada Petugas Penjawat Awam Terlibat Dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi bulan ini _____ (mengikut bulan kalendar) berjumlah **RM**_____ adalah **diluluskan / tidak diluluskan** untuk pembayaran.

.....

(Tandatangan Ketua Yang Menyelia)

Nama Penuh :

No. Telefon :

(Untuk pertanyaan oleh Unit Kewangan/Unit Akaun)

Tarikh:

**LAPORAN BULANAN BAGI PEMBAYARAN ELAUN KHAS PETUGAS
PENJAWAT AWAM DI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV)**

BIL.	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI	BILANGAN TUNTUTAN	JUMLAH BAYARAN (RM)

Mohon kerjasama untuk kemukakan selewat-lewatnya pada 30 haribulan bulan berikutnya kepada citf@mosti.gov.my

Disediakan oleh:

Nama Pegawai :

Kementerian / Jabatan / Agensi :

No. Telefon :

E-mel :

Tarikh :